



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 17 NOVEMBER 2023



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lori isi diesel subsidi 22 kali dalam sejam disita

KAMPAR: Kegiatan penyelewengan diesel bersubsidi di sebuah stesen minyak di sini, terbongkar apabila diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak, semalam.

Serbuan menerusi Op Tiris pukul 11.15 malam dijalankan selepas risikan seminggu dilakukan berkaitan aktiviti pembelian minyak diesel menggunakan lori tangki secara berulang di stesen minyak sekitar Kampar.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pemantauan mengesan sebuah lori tangki yang melakukan 22 kali pengisian minyak diesel melalui dua nozel pam serentak di stesen minyak yang sama dalam tempoh sejam.

Menurut beliau, pemeriksaan ke atas pemandu lori tangki berusia 38 tahun itu mendapati dia gagal mengemukakan dokumen berkaitan barang kawalan apabila diminta.

"Pemeriksaan lanjut juga mendapati tangki asal lori itu disyaki diubah suai dengan penyambungan pam penyedut dari tangki asal lori ke tangki yang berada di atas lori.

"Pemeriksaan turut dilakukan ke atas stesen minyak tersebut dan mendapati lori tangki berkenaan telah melakukan 22 kali pengisian dan setiap transaksi pembelian berjumlah RM500," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, dalam serbuan itu, pihaknya menyita sebuah lori tangki, peralatan pam penyedut, dokumen yang berkaitan dan anggaran sebanyak 5,000 liter cecair disyaki minyak diesel yang berada di dalam tangki lori.

Katanya, jumlah sitaan keseluruhan dianggarkan bernilai RM172,750.

"Pekerja stesen minyak itu telah diambil keterangan manakala pemandu lori pula ditahan untuk siasatan lanjut.

50,000 kampil benih padi diluluskan hari ini

KUALA LUMPUR: Sebanyak 50,000 kampil Benih Padi Sah diluluskan hari ini dengan pengagihan sebanyak 31,000 kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) serta 19,000 lagi disalurkan ke Perlis dan luar jelapang negeri Kedah.

Menyifatkan ia sebagai langkah drastik, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia bagi memastikan bekalan benih padi mencukupi dan harganya terkawal.

“Selain itu, kementerian turut memantau dan mengawal ketat proses kelulusan ladang dan makmal terhadap 12 pengeluaran BPS berdasarkan prosedur operasi standard yang ditetapkan jabatan dan agensi sebelum BPS dijual kepada pesawah,” katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan



Kerajaan sedang meneliti cadangan untuk menaikkan harga siling beras putih tempatan dalam usaha menangani isu bekalan beras dalam negara.”

MOHAMAD SABU

Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhruddin [PN-Kuala Kedah] mengenai langkah segera KPKM bagi menangani isu penjualan benih

padi sah yang begitu menekan pesawah serta menjejaskan hasil pengeluaran padi dan kadar sara diri beras negara.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meluluskan 532,325 kampil benih padi bagi kegunaan di Kedah dan Perlis dengan rekod pengeluaran 89,723 kampil benih pada 18 Okt. lepas, 151,200 kampil benih (26 Okt.), 79,142 kampil benih (3 Nov.) dan 112,260 kampil benih (10 Nov.).

Mengulas lanjut, untuk langkah jangka masa panjang pula, kerajaan turut melaksana kajian bagi menangani harga belian padi dan benih padi supaya semua pihak termasuk peruncit dan pengguna berada dalam situasi menang-menang.

Bagi tujuan itu, beliau berkata, KPKM akan mengadakan perbincangan dengan Kementerian Ekonomi, Kementerian

Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam masa terdekat bagi menentukan aspek penyelarasan harga.

Dalam sesi soal jawab pula, Mohamad berkata, kerajaan sedang meneliti cadangan untuk menaikkan harga siling beras putih tempatan dalam usaha menangani isu bekalan beras dalam negara.

“Memang harga (beras putih tempatan) RM26 ini ialah harga pada 2008. Jika mahu berlaku kenaikan (harga siling), maka, kita kena bincang dengan Kementerian Ekonomi, Kementerian Kewangan dan KPDN.

“Perbincangan intensif ini yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga akan melibatkan pandangan daripada ahli-ahli Parlimen yang terlibat dalam kawasan penanaman padi,” katanya.

Kenaikan harga beras tempatan dijamin adil untuk semua

Kementerian bincang dengan pelbagai pihak, kaji impak kepada rakyat

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memastikan sebarang kenaikan harga Beras Putih Tempatan (BPT), jika dilaksanakan, akan memberi keadilan kepada semua pihak, termasuk pesawah, pengilang, peniaga dan pengguna.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata banyak pihak mempunyai pandangan sama supaya kenaikan harga BPT, yang kini ditetapkan pada RM2.60 sekilogram (kg) dapat dipertimbangkan selepas tidak disahkan sejak 2008.

Berikutan itu, katanya, kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan, Kementerian

Ekonomi serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berhubung cadangan itu.

"Memang kita kena bagi keadilan pada semua. Jika nak berlaku kenaikan, kita perlu berbincang antara kementerian ini supaya jika berlaku perubahan, kita harap dapat kongsi bersama dan bagaimana nak beri semua pihak puas hati, termasuk di pihak kerajaan dan pembangkang."

"Jika kita setuju nak bela petani, Kementerian Ekonomi perlu bincang juga apa impaknya kepada ekonomi dan majoriti rakyat, pengilang dan sebagainya. Sebab itu, perbincangan insentif ini kita buat sekarang, termasuk ambil kira pandangan Ahli Parlimen, khasnya dari kawasan penanaman padi," katanya pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

Pada 11 November lalu, *BH* melaporkan Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20kg berbanding RM2.60kg ketika ini bagi menjaga masa depan semua pihak yang terbabit dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

Pandangan sama turut disuarakan beberapa pihak lain, ter-

Harga siling BPT wajar dinaik kepada RM3.20 sekilogram

Laporan BH pada Sabtu lalu.

masuk pesawah dan pengilang padi serta Ahli Parlimen.

Ambil langkah sewajarnya

Mengenai kemajuan langkah intervensi bagi memastikan BPT mencukupi dan insiden kekurangan bekalan tidak berulang, Mohamad menjelaskan, kementerian mengambil pelbagai langkah perlu, namun sukar memberi jaminan masalah kekurangan bekalan tidak akan berulang.

"Krisis bekalan BPT sudah empat kali berlaku di negara ini, iaitu pada 1971, 2008, 2014 dan tahun ini. Memang kita harap tidak berlaku krisis pada masa akan datang, tapi hal makanan ini bergantung pada keadaan cuaca, (faktor) antarabangsa dan sebagainya, namun ia tidak boleh dijadikan alasan untuk kita menjadi apologetik."



Mohamad Sabu pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

"Jika berulang pun, kita harap ia tak parah. Paling hebat (krisis) pada 2014, waktu itu tidak ada TikTok, jadi ramai rakyat tidak cemas dan tidak tahu. Sekarang ini, misalnya jika di TikTok kata bulan depan BPT tiada, menyebabkan orang panik dan membeli secara banyak," katanya.

Langkah jangka panjang bagi menangani isu dipercayai disebabkan manipulasi pengeluaran, Mohamad berkata, kerajaan akan wujudkan stok penimbunan bekalan benih padi sah (BPS), selain menambah baik, meningkatkan penyertaan dan menanam plot penanaman padi asas oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Usaha turut digerakkan untuk memperluas penggunaan be-

nih padi sah di Sabah dan Sarawak," katanya memaklumkan beliau sendiri mengadakan lawatan mengejut ke kilang penyediaan benih padi di Alor Setar, Kedah pada minggu lalu untuk memeriksa stok dalam usaha menangani masalah BPS.

"Sekarang kita bertindak dengan guna apa sahaja cara, termasuk secara 'fast track' untuk sediakan benih padi ini sampai ke peringkat ia cukup sehingga tarikh akhir musim penanaman ini. Kita nak buat stok BPS supaya jika berlaku apa-apa hal, stok boleh digunakan seperti beras yang punya bekalan sehingga lima bulan," katanya.

"Kita belum ada stock pile benih padi. Yang ini kita akan adakan pada masa hadapan," katanya.

Usaha atasi krisis beras berulang

KPKM laksana pelbagai langkah intervensi atasi masalah kekurangan beras putih tempatan

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**
KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan pelbagai langkah intervensi bagi mengatasi masalah kekurangan beras putih tempatan (BPT) di pasaran supaya krisis itu tidak berulang pada masa depan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu bagaimanapun berkata, jika berulang pun, ia tidaklah separah seperti yang berlaku pada tahun 1971, 2008, 2014 dan tahun ini.

"Untuk saya nak beri jaminan 100 peratus bahawa (krisis beras

ini) tidak akan berulang, payah sebab (berdasarkan sejarah) krisis beras di Malaysia ini berlaku tahun 1971, kali kedua pada 2008 hingga berlaku penetapan harga RM18 untuk 10 kilogram (kg) sampai ke hari ini.

"Krisis seterusnya pada tahun 2014 yang mewujudkan Syarikat Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) digantikan. Kemudian berlaku (lagi) sekarang (2023).

"Memang kita harapkan tidak berlaku lagi krisis pada masa akan datang tetapi berkaitan hal-hal makanan ini, ia bergantung juga kepada keadaan cuaca, situasi antara-bangsa dan sebagainya. Tapi kita tidak boleh jadikan ia satu alasan. Kita kena berusaha," katanya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Bellau berkata demikian menjawab soalan **Gobind Singh Deo (PH-Damansara)** tentang sejauh mana kejayaan program intervensi beras putih tempatan dan adakah ia memadai untuk memastikan tidak berulangnya



Mohamad ketika di Dewan Rakyat pada Khamis.

krisis bekalan beras pada masa hadapan.

Menurut Mohamad, antara langkah intervensi yang dilakukan adalah kolaborasi secara strategik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan penguatkuasaan arahan had pembelian maksimum kepada pembeli sebagaimana dalam Peraturan 10(1)(b) Peraturan Kawalan Padi dan Beras

(Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

Katanya, KPKM turut melancarkan program khas beras putih tempatan secara konsensus bersama pengilang beras untuk pengeluaran sebanyak 20 peratus stok pengilang padi secara berfasa.

Sementara itu, menjawab pertanyaan **Dr Ahmad Fakhruddin Fakhruddin (PN-Kuala Kedah)** yang me-

mintanya kerajaan menyatakan langkah-langkah segera yang diambil secara tegas dan holistik bagi menangani isu penjualan benih padi sah yang begitu menekan pesawah, Mohamad berkata, kerajaan telah menarik balik sebanyak 22 lesen penjualan benih padi sah milik peruncit sehingga Khamis sejak pelaksanaan *Task Force Operasi Benih Padi Sah (Op BPS)* Zon Utara bermula 7 November lalu.

Ujarnya, *Task Force* itu dilakukan bagi memastikan semua peruncit menjual benih padi sah mengikut harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan dan tiada sebarang unsur menyorok benih.

Ujarnya, KPKM turut membuat penetapan harga maksimum jualan benih padi sah bagi setiap kimpit 20 kilogram (kg) sebanyak RM40 di pintu gudang syarikat pengeluaran manakala RM45 bagi harga runcit mulai 20 Oktober lalu.

"Penetapan harga ini dibuat bagi mengelakkan manipulasi harga benih padi sah di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak," ulasnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 17 NOVEMBER 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
17-Nov	Pengarah syarikat, dua kru kapal didakwa seleweng diesel	https://www.sinarharian.com.my/article/634822/berita/semasa/pengarah-syarikat-dua-kru-kapal-didakwa-seleweng-diesel	SH
17-Nov	Pengarah syarikat, 2 pekerja didakwa seleweng lebih 30,000 liter diesel	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/472069	THEMALAY-SIANINSIGHT
17-Nov	Pengarah syarikat, dua pekerja didakwa seleweng lebih 30,000 liter diesel	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2245019	BERNAMA
17-Nov	Seleweng diesel bersubsidi: Pengarah syarikat, dua pekerja dihadap ke mahkamah	https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/seleweng-diesel-bersubsidi-pengarah-syarikat-dua-pekerja-dihadap-ke-mahkamah/	UM
17-Nov	Lori isi minyak 22 kali sejam bongkar kegiatan seleweng diesel	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/lori-isi-minyak-22-kali-sejam-bongkar-kegiatan-seleweng-diesel/	UM
17-Nov	Isi minyak 22 kali dalam tempoh 1 jam akhirnya terjawab	https://mgperak.com/isi-minyak-22-kali-dalam-tempoh-1-jam-cubaan-seleweng-diesel-tumpas/	MGPERAK
17-Nov	15 NOV 2023 – BERITA WILAYAH – SELEWENG MINYAK DIESEL BERSUBSIDI RAMPASAN BERNILAI LEBIH RM200,000	https://youtu.be/thI9a46M3Eo?si=OxZ8kf6NwHUXWUys	BERITARTM

17-Nov	In Seremban, company director, two tanker workers plead not guilty to misappropriation of more than 30,000 litres diesel	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/11/16/in-seremban-company-director-two-tanker-workers-plead-not-guilty-to-misappropriation-of-more-than-30000-litres-diesel/102416	MALAYMAIL
17-Nov	Pengarah syarikat, dua pekerja didakwa seleweng lebih 30,000 liter diesel	https://malaysiagazette.com/2023/11/16/pengarah-syarikat-dua-pekerja-didakwa-seleweng-lebih-30000-liter-diesel/	MALAYSIAGAZETTE
17-Nov	Pengarah syarikat, dua pekerja didakwa seleweng lebih 30,000 liter diesel	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pengarah-syarikat-dua-pekerja-didakwa-seleweng-lebih-30000-liter-diesel-446259%3famp=1	ASTROAWANI
17-Nov	Enam warga Indonesia didakwa miliki 41,000 liter petrol tanpa lesen	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-warga-indonesia-didakwa-miliki-41000-liter-petrol-tanpa-lesen-446315%3famp=1	ASTROAWANI
17-Nov	In Sandakan, six Indonesians plead not guilty to possessing 41,000 litres of petrol without licence	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/16/in-sandakan-six-indonesians-plead-not-guilty-to-possessing-41000-litres-of-petrol-without-licence/102421	MALAYMAIL
17-Nov	Enam warga indonesia didakwa miliki 41,000 liter petrol	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2245145	BERNAMA
17-Nov	Six indonesians plead not guilty to possessing 41,000 litres of petrol without licence	https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2245110	BERNAMA

17-Nov	Enam warga Indonesia didakwa miliki 41,000 liter petrol tanpa lesen	https://selangorkini.my/2023/11/enam-warga-indonesia-didakwa-miliki-41000-liter-petrol-tanpa-lesen/	SELANGORKINI
17-Nov	PJR Ayam di 101 Superman Speedmart Mukah esok	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/16/pjr-ayam-di-101-superman-speedmart-mukah-esok	UMBORNEO
17-Nov	KPDN encourages public to take advantage of Rahmah Sales Programme	https://www.newsarawaktribune.com.my/kpdn-encourages-public-to-take-advantage-of-rahmah-sales-programme/	NEWSARAWAKTRIBUNE
17-Nov	'Kenaikan harga beras akan adil untuk semua pihak'	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/11/1177708/kenaikan-harga-beras-akan-adil-untuk-semua-pihak	BH